

YAMTUAN ANTAH (? -1887), Yamtuan Negeri Sembilan (1876-1887). Nama penuh baginda ialah Tunku Laksamana Antah ibn Almarhum Raja Radin. Baginda pernah memakai gelaran Alwatak birabbi-ghapur Yamtuan Tunku Antah Seri Menanti ibn Almarhum Yamtuan Raja Radin @ Almalikulmanan al-Sultan Tunku Antah ibn Almarhum Raja Radin. Baginda ialah putera Yamtuan Radin dan cucu kepada Raja Lenggang (raja yang terakhir dijemput dari Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan).

Pada tahun 1861, Yamtuan Radin, ayahanda Tunku Antah mangkat dan takhta kerajaan disandang oleh saudaranya, Yamtuan Tunku Imam. Kemangkatan Yamtuan Imam pada tahun 1869 menimbulkan masalah pengganti kerana terdapat dua orang putera yang layak menduduki jawatan Yang Dipertuan Besar. Mereka ialah Tunku Antah, putera Yamtuan Radin, terkenal sebagai pahlawan dan Tunku Ahmad Tunggal, putera Yamtuan Imam terkenal sebagai seorang pengusaha bijih timah yang kaya. Dalam persaingan ini, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menyokong Tunku Ahmad Tunggal. Sementara Undang yang lain lebih condong kepada Tunku Antah. Namun, persaingan takhta ini tidak mencetuskan sebarang pertempuran. Persaingan ini menyebabkan jawatan Yang

Dipertuan Besar Negeri Sembilan tidak dipenuhi dari tahun 1869 hingga tahun 1875. Pada tahun 1875, kecuali Dato' Kelana Sungai Ujong, kesemua Undang hadir dan melantik Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Oleh sebab Dato' Kelana tidak hadir dia dilucutkan jawatan.

Walaupun hubungan Tunku Antah dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman tidak begitu baik namun baginda tidak membantu Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal (Abdullah bin Ahmad) yang berperang dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman pada tahun 1874. Namun begitu apabila Dato' Kelana Syed Abdul Rahman mengakui Terachi, kawasan yang menganjur dari Gunung Berembun sampai ke Gunung Angsi, pemisah antara Seri Menanti dengan Sungai Ujong sebagai haknya pada tahun 1875, Yamtuan Antah memecat Penghulu Terachi, tetapi melantiknya semula setelah dia memberi taat setia kepada baginda. Terachi sebenarnya adalah salah satu daripada negeri-negeri Seri Menanti yang terdiri daripada Hulu Muar, Jempol dan Gunung Pasir yang di bawah pemerintahan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan dikenali dengan panggilan 'Tanah Mengandung'.

Residen British Sungai Ujong, P.J. Murray yang mendapat berita ini pada akhir bulan November 1875 menyifatkan tindakan Yamtuan Antah ini sebagai menyalahi undang-undang kerana melibatkan diri dalam kawasan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Pada 27 November 1875, P.J. Murray dengan ditemani oleh 20 orang askar Regimen ke-10, 30 orang polis, Doktor Hoysted dan seorang juruukur berbangsa Australia bernama Dominic Daly berangkat ke Terachi. Apabila tiba di Terachi, P.J. Murray mendapati tidak ada sebarang tanda yang memungkinkan berlakunya kekacauan. Pada 28 November 1875, setelah meninggalkan Daly bersama enam orang polis, P.J. Murray dan rombongan berangkat pulang ke Seremban melalui jalan Bukit Putus. Kehadiran pasukan British ini menyebabkan Yamtuan Antah menghantar lebih kurang 200 orang memberi amaran kepada Daly supaya pulang dan melupakan soal mengukur kawasan di antara Terachi dengan Kuala Pilah. Daly meminta bantuan daripada P.J. Murray. Apabila pasukan ini sampai, pertempuran berlaku antara pasukan Yamtuan Antah dengan pasukan British. Dalam serangan ini pasukan British mendapat bantuan dari Negeri-Negeri Selat, sementara Yamtuan Antah pula mendapat sokongan daripada penduduk tempatan, Undang Rembau, Jelevu, Johol dan Tengku Besar Tampin.

Dalam peperangan ini pasukan Yamtuan Antah berjaya menawan Paroi pada bulan Disember 1875. Baginda membina kubu di sini. Namun begitu apabila pasukan bantuan British tiba, Paroi ditawan dan baginda mengundurkan diri lalu meminta perlindungan Maharaja Abu Bakar di Johor.

Pada bulan Mei 1876, Yamtuan Antah bertemu dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir William Jervois di Singapura. Walaupun kerajaan Negeri-Negeri Selat lebih cenderung untuk meletakkan Tunku Ahmad Tunggal sebagai pemerintah di Seri Menanti tetapi ia tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Tanah Jajahan London. Dengan itu Yamtuan Antah diterima semula sebagai

Yamtuan tetapi berkuasa di Seri Menanti sahaja. Pada tahun 1877, Yamtuan Antah pulang ke Negeri Sembilan.

Pada 4 Jun 1887, Yamtuan Antah menandatangani perjanjian dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir Frederick Weld. Antara lain perjanjian ini menyentuh mengenai orang salah, perdagangan, hubungan luar dan pengakuan Tunku Besar Muhammad dan keturunannya adalah waris Yamtuan Seri Menanti. Yamtuan Antah juga bersetuju menerima pegawai British bagi membantu memungut cukai.

Yamtuan Antah jatuh gering dan mangkat pada 22 Oktober 1887.